

Unsur Islam dari segi Teknik dan Keindahan dalam Puisi Melayu Moden

AHMAD KAMAL ABDULLAH

Keindahan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam. Ini berhubungan juga dengan pengalaman estetik seniman Islam yang menyebutkan Allah sebagai *al-Jamal* (Yang Indah) dan *al-Kamal* (Yang Sempurna). Allah sendiri mencintai keindahan. Bayangan keindahan Tuhan terpancar pada keindahan alam. Dengan Keesaan dan Keagungan-Nya, Allah telah menempatkan Firman-Nya di dalam kata-kata yang sesuai dan tepat, *sublime* tanpa dapat ditandingi oleh sesiapa pun. Al-Quran menjadi *ultimate norm of beauty* di dalam disiplin kebahasaan dan kesusasteraan; ia menjadi *ultimate judge of thought of all expression in words*.¹ Bagi pemeluk yang ajami pula, perbendaharaan kata, frasa dan gaya mewujudkan transformasi bahasa-bahasa seperti bahasa baru Turki, Farsi, Swahili, Urdu dan bahasa Melayu. Bahasa-bahasa ini menjadi bahasa pengucapan pemeluk Islam hingga terbentuk tradisi kesusasteraan masing-masing. Al-Faruqi menegaskan:

Everything literary carried the Quran's brand and exemplified its literary style and modalities. Indeed, borrowing Quran's very words and phrases and encrusting them appropriately into the metal of the author's prose or poetry became the supreme sign of literary craftsmanship.²

Pendek kata nilai keindahan ini menyebar luas di dalam kehidupan lahir batin umat Islam terutama para senimannya akibat diresapi oleh nilai-nilai estetika yang dikesankan oleh al-Quran.³

Kehalusan seni yang indah inilah sewajarnya terpancar di dalam karya puisi penyair Islam. Menurut Iqbal seorang seniman itu sewajarnya:

...discover the ought within the depths of his own being. True artist is one who aims at human assimilation of Divine attributes and gives man infinite aspiration.⁴

Sebagai seniman sudah pastilah dia peka dengan daya imaginasi dan sensitivitinya. Seniman Islam biasanya bersifat intuitif. Keindahan dalam karya yang berunsur Islam "mendapatkan visi hidupnya dan visi keindahannya daripada al-Quran yang mempertemukan antara Kebenaran, Kebaikan dan Keindahan bahasa."⁵ Keindahan bahasa berfungsi menimbulkan "...kesenangan estetik dan memperjelas nilai-nilai dan aspirasi kebenaran yang universal dan abadi."⁶

Dasar keindahan dalam kesenian Islam itu tetaplaj di tunjangi oleh Tauhid. Sesungguhnya:

Tauhid is not against artistic creativity; nor is it against the enjoyment of beauty. On the contrary tauhid blesses the beautiful and promotes it. I see absolute beauty only in God and in His revealed will or words.⁷

Keindahan sesebuah karya itu adalah hasil gabungan keseluruhan karya itu secara yang amat harmoni. Di dalamnya terdapat visi, intuisi, imaginasi, gagasan yang menyaranakan warna, bunyi, fikiran, imej, emosi dan sentimen. Hal ini turut diakui oleh penulis Barat seperti Zimmermann yang melihat hubungan puisi yang mesra dan *ratio* dalam idea dan imejnya. Manakala Wilhelm Unger menemui hubungan yang harmoni dalam warna. Perihal ini pun turut dilakui sama oleh A.C. Bradley bahawa untuk mencapai 'nilai estetik' (the aesthetic value) sesebuah puisi itu sewajarnya "lies in the whole poem and not in any part of it."⁸

Jikalau seorang itu hanya mampu menjadi peniru kepada alam, ia bukanlah seniman. Bagi Iqbal seniman peniru alam itu samalah seperti pengemis di pintu alam. Seorang seniman sewajarnya memanfaatkannya. Dia sedar bahawa seninya dapat menghiburkan, tetapi ia adalah salah satu daripada kesan yang lain. Ia bukanlah menjadi matlamat seni. Seni tidak akan bererti jika tidak dirujuk kepada kehidupan, manusia dan masyarakat. Tujuan seni adalah kehidupan itu sendiri. Kesenian sewajarnya dapat menimbulkan ghairah kepada kehidupan yang abadi. Kesenian itu akan lebih bermakna "*for the achievement of life, to build up personality, is next to prophethood*". Penyair seharusnya memperlihatkan sikap yang 'manliness, courageous' menjadi "*eye of the nation and nation's very heart*".⁹ Karya yang indah dapat dinikmati oleh seseorang yang mengenal keindahannya. Bukanlah selalu karya yang indah itu, karya yang mudah. Hal ini pernah diakui oleh T.S. Eliot.¹⁰ Karya Sufi oleh rumi dan Hafiz misalnya indah walaupun karya itu dipenuhi dengan lambang-lambang peribadi yang rohaniah. Bagi Croce, penulis sezaman Iqbal menyakinkan bahawa hal ini ada hubungannya dengan intuisi. Bagi Croce:

Intuition is the self-expression of the experiencing individual. There is only one quality common to all the intuitions and that is the creative activity of self-expression. If a work of art is appreciated by a contemplators it is so because it arouses in him the same intuition as belongs to the artist, and that is so because both are kindred spirits.¹¹

Tentu sahaja pengalaman rohaniah seorang seniman Islam yang bertunjangan tauhid tidak dapat disamakan dengan penulis yang atheistik atau yang anarkistik. Keindahan puisi rohaniah Islam tentu sahaja akan dapat dirasakan keindahannya sekiranya pembaca atau pengkaji itu memahami makna lambang-lambang dan dasar-dasar keislaman dan turut menyakininya. Puisi Melayu yang di perkaya oleh tradisi Islam sesungguhnya mempunyai kemungkinan menjadi media bagi menyatakan tentang alam kerohanian dan Cinta Abadi. Seperti yang pernah diucapkan oleh Lamya al-Faruqi:

It is obvious that creative expression as an embodiment of infinite pattern offers tremendous creative possibilities.¹²

Peri Islam mengutamakan keindahan dan teknik untuk menyampaikan sesuatu dengan cara yang halus dan lembut pernah menjadi firman Allah di dalam al-Quran, bermaksud:

Katakanlah siapakah yang mengharamkan pakaian yang indah yang Allah sediakan untuk hamba-hamba-Nya dan barang-barang yang baik dari (limpahan) kurnia-Nya? Ia adalah untuk orang yang beriman di dunia dan khusus untuk mereka pada hari kiamat. (al-Quran, 7:32)

Mengenai pakaian yang indah dan hubungannya dengan ketaqwaan, Allah berfirman yang maksudnya:

Wahai keturunan Adam! Sesungguhnya Kami telah turunkan atas kamu pakaian untuk menutup kemaluan-kemaluan kamu dan sebagai alat untuk pengindahan dan pakaian taqwa (yang menghiasi jiwa) adalah yang lebih baik. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (kurnia) Allah supaya mereka mendapat peringatan. (al-Quran, 7:26)

Para penyair Islam yang memahami firman Allah tersebut, wajarlah mencipta puisinya dengan indah supaya dapat dinikmati dan dapat pula dirasakan nilai keindahannya yang abadi. Bagi menimbulkan keindahan itu, ia memerlukan teknik atau gaya penyampaian yang baik.

KEINDAHAN MELALUI TEKNIK PERULANGAN

Teknik perulangan banyak sekali terdapat di dalam al-Quran. Allah sentiasa berulang kali mengingatkan insan supaya memilih yang baik dan menolak yang mungkar. Perulangan di dalam firman Allah itu sungguh indah dan mengesankan. Umpamanya di dalam "Surah al-Rahman" (Yang Maha Pemurah) kita dapat mengikuti firman Allah yang terungkap dalam bahasa yang indah dengan pesanan-pesanan yang sama berulang-ulang. Daripada 78 ayat, terdapat ayat yang sama diulang-ulang sebanyak 30 kali iaitu ayat yang bermaksud:

Maha kurnia manakah dari tuhanmu yang kamu (manusia) dan (jin) dustakan?¹³

Di dalam surah al-Rahman (lihat Lampiran C), kita dapat melihat kesan pertembungan bunyi perkataan di hujung yang berulang-ulang. Dalam ayat 1 hingga ke-9 terdapat perkataan yang berakhirkan nun (n) yakni:

- | | |
|--------------|--------------|
| 1. al-Rahman | 7. al-mizan |
| 2. al-Quran | 8. fil-mizan |
| 3. al-Insan | 9. wal-mizan |
| 4. al-Bayan | |
| 5. bihusban | |
| 6. yasjudan | |

Bunyi yang (an) berturut-turut ini menimbulkan kesan yang merdu dan sedap didengar. Selanjutnya terdapat seterusnya bunyi akhiran dengan huruf-huruf mim, ra', fa', qaf. Secara tegas dalam surah ini akhiran nun dan mim, memerdukan firman hingga enak dan lunak didengar. Perulangan ini menimbulkan keindahan tanpa batas, dan hasilnya tidak menjemukan bagi yang mendengar atau yang membacanya. Dari situ jugalah timbul hikmah bagi pendengar atau pembacanya untuk menyelami maknanya. Dalam Ratib al-Attas kita sekali lagi dihadapkan dengan pelbagai pertembungan bunyi merdu yang sama pada awal, tengah dan hujung ungkapan. Salawat dan salam yang berulang kali dilagukan itu menyatakan kecintaan dan doa kepada Nabi Muhammad dan keluarganya. Perulangan yang terus menerus itu dapat memperlihatkan rasa kecintaan yang tulus hingga gemanya terangkat ke Arash Illahi Rayuan *Ya Rabbi* juga terus menerus diucap atau dilagukan bagi menandakan bahawa rayuan itu timbul dari batin yang ikhlas. Kesan keikhlasan ini dapat dirasakan oleh pemeluk yang beriman dan terutamanya bagi mereka yang pernah mengalami dan melagukan Ratib ini di dalam kumpulan qasidah atau berzanji. Pertembungan huruf lam, mim, nun, zal, ha', ya', dan seterusnya huruf-huruf yang bergetar seperti ra', dan bunyi huruf iqlab ba' serta bunyi sengau dan dengung pada ayn pula turut memperindah Ratib ini. Sekali lagi kesan yang sama dapat ditemui di dalam nashid Asma al-Husna. Suasana mistik, suci, kudus dan peri kekuasaan Allah yang tanpa batas dapat dirasakan daripadanya. Perulangan-perulangan di dalam nashid ini pun berlaku pada awal, pertengahan dan di hujung ungkapan samalah seperti yang berlaku dalam surah al-Rahman dan Ratib al-Attas.

Suasana yang khushuk dan tawaduk dapat timbul dari suasana perulangan ini. Nada suara penyair pun dalam keadaan yang lembut, sopan santun dan berakhlak. Dia tidak mengucapkan dengan sembarangan dan kasar. Jika ini berlaku, bukanlah pengucapan yang dituntut oleh Islam. Perulangan di awal ungkapan (anafora), di pertengahan (responsie) dan di hujung (epifora) pernah terdapat dalam puisi Ashaari Muhammad "Kebesaran-Mu dapat dilihat".¹⁴

Perulangan di awal:

*Kau patut dirindui
Kau patut dicintai dan dikenang
Kau patut dipuja dan dibesarkan*

(stanza 1)

Di waktu sakit ...
Di waktu lapar ...
Di waktu haus ...
Di waktu sesat ...

(stanza IV)

Perulangan di pertengahan:

Di waktu sakit Engkaulah yang menyembuhkan
Di waktu lapar Engkaulah yang memberi makan
Di waktu haus Engkaulah yang memberi minum
Di waktu sesat Engkaulah yang memberi petunjuk.

(stanza IV)

Walau bagaimanapun Ashaari Muhammad tidak pula membuat perulangan di hujung (epifora), seperti yang terdapat di dalam syair Hafiz al-Shirazi "Perjumpaan Semalam." Beliau meninggalkan kesan epifora yang mendalam mengulang 'jangan berduka' sebanyak tiga belas kali. Di dalam "Iqra" (lihat Lampiran A) Firdaus Abdullah secara aktif menggunakan unsur anafora. Dia menulis 'laungkanlah' sebanyak 21 kali. Dia seterusnya menulis:

Yang Maha pencipta
Yang Maha perkasa
Yang Maha tahu

(stanza IV)

Yang Maha akram
Yang Maha kaya

(stanza VI)

Yang Maha arif
Yang Maha tahu

(stanza VII)

Pada Firdaus perulangan itu membawakan unsur mentera Melayu yang merdu juga:

yang beriman teguh
yang berhati takwa
yang sedang jatuh
yang sedang diduga

Yahya M.S. dalam "Surat Dua Sahabat .." amat bersahaja suaranya. Dia juga menggunakan perulangan di awal dengan menggunakan 'sahabatku', 'saudara' bersilih ganti dengan maksud penuh kemesraan dan ramah tamah. Walaupun Yahya M.S. tidak menekankan unsur-unsur ini secara jelas, tetapi pengucapannya yang bersengaja dan mengandungi makna yang tersirat dan berfalsafah tentang kemunduran pemeluk Islam dalam

menghadapi cabaran di zaman kebangkitan kini. Kemerduan puisinya masih dapat dipeliharanya. Katanya

aku terlena dalam kitab-kitab *gersang*
yang menolak hukum Tuhan

.....

maka perlukah kita bertempik *bergenderang*
memaksa orang hingga tunduk *terkurung*

.....

memujuk hati dengan cemeti
nafsu yang dingin menjadi liar
benih di batas tidak menjadi.

kalau ingin melanda laut atau belantara
tidak cukup gigi dan rahang.

Pada umumnya penyair Melayu yang menulis puisi berunsur Islam, masih terikat dengan bunyi yang merdu. Shafi'e Abu Bakar dalam "qitah" peka kepada bunyi konsonan *m* dan *n* di dalam diksi 'alam', 'Tuhan', 'kewujudan', 'khadam', 'kejadian' dan 'amaran'. Kemerduan yang sama kita temui dalam "Pipi dan Ikal" oleh Syed Naguib al-Attas; beliau peka kepada vokal *a*, *i*, *u*, dan *e* juga dengan sengau *ng*. Misalnya.

Demi api yang menyala
Di pipi dinda
Meluap semula
Bara cintaku.

Di hujung ikalan mayang
Aduhai sayang
Hatiku bimbang
Lalai terpaut.

Bunyi yang merdu ini turut menguasai puisi Marhan. Di dalam "Rindu" (lihat Lampiran B), Marhan begitu peka kepada vokal *u*. Pada setiap stanza terdapat diksi yang mengandungi vokal *u*, misalnya: 'rahmatMu', 'seluruh', 'jauhar', 'ruhku', 'ruhMu', 'bercumbu', 'satu', (S. I); 'menuju', 'padaMu', 'takjub', 'kalamku', 'kalamMu', (S. II), 'nistaku', 'khusuk', (S. III), 'rinduku', 'duniaku' (S. IV). Marhan peka juga pada bunyi getaran konsonan *r* seperti 'karam', 'rahmat', 'jauhar', 'iradat', 'nikir', 'ikhtiar', 'rindu' dan 'redza'.

Teknik perulangan inilah yang mempengaruhi penyair Melayu dengan puisi-puisinya yang berunsur Islam itu. Perulangan ini bukanlah perulangan yang tidak berfungsi atau cuma memboroskan kata-kata dan sebagainya. Malah dengan unsur perulangan inilah yang menjadi unsur yang ketara di dalam karya penyair Melayu Islam. Di dalam kehidupan bermasyarakat misalnya, kegiatan perulangan ini pun tidak dapat

dihindarkan. Perulangan ini menjadi unsur yang sehati sejiwa di dalam kehidupan harian mereka. Umpamanya, seorang Muslim sebelum melakukan solat lima waktu, wajiblah bersih daripada hadas besar dan kecil. Kemudian barulah dia mengambil wudhu'. Azan dari Muazin misalnya selalu dikumandangkan dengan suara yang lemak merdu sebagai menyatakan peringatan pengajak kaum muslimun dan muslimat menunaikan solat pada waktunya yang tertentu. Begitu juga dengan bacaan qamat, solat wajib, solat sunat, puasa dalam bulan Ramadan dan seumpamanya adalah sentiasa berulang-ulang kali dilakukan. Seseorang *qurra* (pembaca al-Quran) apabila tiba pada satu hentian biasanya disambut secara beramai-ramai dengan "Allah." Hal yang sama terdapat berulang-ulang di sambut sewaktu dalam majlis qasidah dan berzanji. Semua perulangan ini bukanlah suatu yang sia-sia sebaliknya mempunyai makna dan mangandung hikmah yang tersendiri. Ia mentasbihkan pujipujian kepada Allah di samping mengharapkan keredaan-Nya.

Faruqi menulis tentang ini, berkata:

...infinity art always has numerous centers, each of which has its own climax, inviting a repetition of aesthetic experience of these centre *an infinitum* ... That is why the Islamic work of art, having said no to nationalism and empiricism by stylizations the apex of which is the abstraction or formalism of geometrical figure, proceeds by the movement of its own internal rhythm a centrifugal momentum for extension *an infinitum* through repetition on its constitutive units. The imagination is moved - indeed - to produce the design, or repeat the rhythm, to infinity; and its realization that it cannot ever do so is the very moment at which the intuition of infinity is gained.¹⁵

Jikalau diteliti puisi berunsur Islam ini, kita akan dapati unsur perulangan ini terdapat di dalam puisi Badaruddin H.O. "Purnama Benderang di atas kepala"¹⁶ beliau mengulang bait 'dalam gelap sinar zaman berawal atau berakhir pun' sebanyak lima kali dan "O, Rasul" juga sebanyak lima kali. Di dalam puisi "O, diri"¹⁷ dia mengulang kata 'pengalaman' sebanyak empat kali. Yahaya M.S. di dalam "Malam Hijrah"¹⁸ mengulang bait "tersingkap tabir malam Muharam" sebanyak tiga kali dan "aku bertanyalah" sebanyak dua kali. Adi Rumi di dalam "Milik Hati"¹⁹ mengulangi 'O, tidak, tidaknya ...' sebanyak tiga kali. Shafi'e Abu Bakar dengan "penyair"²⁰ membuat ulangan sebanyak tiga kali kata 'penyairku'. Firdaus Abdullah di dalam "Iqra"²¹ mengulang 'laungkanlah' dua puluh satu kali dan 'atas nama Tuhanmu' tiga kali. Di dalam "Baitullah"²² Firdaus mengulangkan 'Ya, Allah, ya 'Arif', 'Ya Allah, ya Qahar', 'Ya Rahim, ya Rahman' pada tiap-tiap awal stanza bagi menimbulkan suasana tawadhu' dan penyerahan di dalam berdoa ke hadzrat Illahi. Aziz Deraman dalam "Jiwarasa"²³ mengulang 'Tiada sesiapa merasakan' tiga kali. Di dalam "jampi Bangsaku"²⁴ Aziz mengulang 'Hei bangsaku aku tau asalmu' dia mengulang 'Subhanallah, Walhamdulillah, Walillahailallah Wallahuakbar' sebanyak tiga puluh

tiga kali. Perulangan ini sesuai dengan suasana pentasbihan dan zikir. Sabda S. menghidupkan suasana keagamaan dengan perulangan 'Jika kau ...' sebanyak empat kali di dalam "maut"²⁵ dan Sabda S. mengulang perkataan 'laily' sebanyak enam kali di dalam "Laily."²⁶ Markan di dalam "Rabbani" mengulang kata 'Rabbani' sebanyak enam kali. M. Ghazali dalam "Dosa Hitam"²⁷ mengulang bait "Malam api lagi yang datang" sebanyak empat kali.

Jikalau kita hubungkan unsur perulangan itu dengan puisi penyair Melayu yang berjiwa Islam, nescaya dapatlah dilihat betapa pekanya mereka menggunakannya. Mereka amat peka kepada angka-angka seperti *tiga, empat, lima, enam dan tujuh*. Angka sebagai alat menghitung dalam ilmu Hisab dan digunakan dalam urusan perdagangan memang tidak dapat dinafikan lagi. Di dalam Islam, angka-angka ini mempunyai makna keagamaannya. Angka tiga misalnya memang terdapat dalam gerak dan lakuan waktu mengambil air wuduk. Setiap sapuan air pada tiap-tiap bahagian anggota perlu ditigakalikan sama ada berkumur, membasuh muka, membasuh kedua tangan, kedua cuping telinga dan kedua belah kaki. Perulangan sebanyak tiga kali pada tiap-tiap bahagian anggota itu penting dilakukan bagi memastikan air wuduk itu sampai dan sebagai tanda kebersihan yang amat dituntut oleh Islam. Selain itu, biasanya apabila kita hendak menasihati seseorang diharuskan menasihatkannya hingga ketiga kali. Rasulullah waktu menerima aduan seorang lain di dalam masjid, dia menghadapkan pertanyaannya kepada pada jemaah sebanyak tiga kali sekiranya ada bantahan daripada yang hadir. Unsur mistik yang ada pada angka tiga ini dapat dilihat dalam ungkapan yang digunakan oleh Yahya M.S. "tersingkap tabir malam Muharram", Adi Rumi dengan "O, tidak, tidaknya", Aziz Deraman dengan "tiada siapa merasakan", Shafie Abu Bakar dengan "penyairku", dan Firdaus Abdullah dengan ungkapan "atas nama Tuhanmu"; mereka mengulangkan sebanyak tiga kali.

Di dalam Islam, ucapan *Bismillah-Rahmani-Rahim* penting dibaca pada tiap-tiap hendak memulakan sesuatu pekerjaan. Di dalam kalimah *Bismillah* terdapat tiga nama yang terbesar dari nama-nama Allah iaitu: Allah, Al-Rahman dan Al-Rahim. Itulah sebabnya kalimah *Bismillah* ini dinamakan Rasulullah s.a.w., al-Isnul-A'zam iaitu nama Teragung dari Allah.²⁸

Angka empat pula mengingatkan kita kepada Khulafa al-Rashidin: Abu Bakr, Umar, Uthman dan Ali. Selain itu, ia mengingatkan kita terhadap unsur-unsur api, angin, air dan tanah. Perulangan empat kali dilakukan oleh M. Ghazali dengan ungkapan 'Malam api lagi yang datang'; dengan menyentuh 'api' kita diperlihatkan unsur kepanasan (bahang) dan suasana pancaroba yang dihadapinya. Sabda S. dan Marhan menggunakan perulangan enam kali di dalam "Laily" dan "Rabbani". Angka enam mengingatkan kita kepada dasar tauhid yakni rukun Iman

yang enam. Kata 'Laily' (Malam) dan 'Rabbani' (Tuhan) dalam perulangan itu seolah-oleh sebagai satu getaran tasbih yang indah bagi menanamkan suasana khushyuk penyair terhadap Tuhan. Di samping itu, pembaca turut tersentuh dengan bunyi yang berulang-ulang itu. Akhirnya meninggalkan gema yang tak mudah dilupakan di kalbunya. Bunyi-bunyi perkataan atau ayat yang sama itu membawa penegasan, penyuburkan keyakinan dan akhirnya berperanan mengingatkan manusia terhadap Kebenaran Mutlak yang hanya ada pada al-Khaliq semata-mata. Dengan menyedari hakikat itu, akan tumbuhlah sifat-sifat ketaqwaan yang terpuji di sisi Ilahi.

Dengan contoh-contoh yang tersebut itu tambah meyakinkan kita bahawa penyair Melayu erat hubungannya dengan al-Quran. Kesebatian mereka dengan unsur-unsur perulangan di dalam kitab suci itu telah dimanfaatkan di dalam puisi-puisi Melayu. Unsur perulangan memberikan kesan yang menarik apabila penyair yang berbakat besar menterapkannya secara halus dan indah di dalam ciptaannya.

KEINDAHAN MELALUI TEKNIK NARATIF/KISAH

Jikalau di dalam syair terdapat banyak kisah nabi-nabi yang dikisah dan dinaratifkan, namun di dalam puisi Melayu moden kecenderungan kian berkurangan. Para penyair cuma tertarik kepada imej-imej atau perlambangan Islam yang tertentu sahaja seperti 'Yusuf', 'Zulaykha', 'Balqis', 'Abrahah', 'al-Amin' hinggalah kepada para sahabat Nabi, Khulafa' al-Rashidin, pahlawan Islam dan lain-lainnya. Imej-imej ini dimasukkan ke dalam puisi tersebut dengan tujuan supaya menjadi contoh terhadap peribadi-peribadi yang 'salih' dan 'beriman' ataupun sebaliknya. Yahya M.S. dalam "Surat Dua Sahabat Yang Bertemu di Pintu Babus-Salam Masjid Nabawi, Madinah Munawarrah"²⁹ dan Syed Naquib al-Attas di dalam "Mufti Mengadap Muhammad"³⁰ telah memperlihatkan percubaan dan penyesuaian daripada puisi naratif klasik seperti "Syair Siti Zubaidah, Perang China", "Hikayat Nabi Yusuf", "Syair Nabi Muhammad", "Hikayat Nun Farisi" dan lain-lain lagi. Yahya M.S. di dalam puisi "Surat dua Sahabat yang Bertemu di Pintu Bab-us-Salam, Masjid Nabawi, Madinah Munawarrah" telah menjalin kisah persahabatan antara dua sahabat seagama tetapi berlainan 'bangsa' (Arab dan Ajam). Pendekatan Yahya M.S. adalah melalui rakaman puisi (surat menyurat) antara keduanya dari surat pertama hinggalah ke surat keenam. Di dalam "Surat Pertama" dari sahabat Arab yang mengenang awal pertemuan mereka di bawah bumbung Masjid Nabawi' ketika menziarahi "... kaum keluarga/yang sudah lama kita rindui' di samping menziarahi' ... saudara tua (makam Junjungan besar s.a.w.). Hubungan silaturahim antara keduanya terjalin bukan 'melalui surat cinta', bukan juga dengan 'nasab' atau darah keturunan, tetapi ikatan itu melalui 'bendungan 'alam sarwa' yang dilindungi Tuhan 'dengan shahadat' inilah yang menyatukan

mereka secara batiniyah. Dalam "Surat Kedua" sahabatnya menjawab dengan riang 'alangkah wangi hembusan angin tanah Nabi' seolah-olah dia 'duduk dalam *Raudhah*; dia masih berbahagia kerana dapat menziarahi maqam Nabi kerana bukankah ziarah itu 'sepantun hidup bersua mesra'; memang kedua-duanya 'berbagi batas-batas antara tanah' tetapi tetap dalam 'rangkaiian satu tamadun' walau bagaimanapun hambatan hendak memisahkan. Di tanah airnya yang berhawa gersang 'keluarganis diuji oleh 'genta godaan serunai iblis' katanya inikah 'syarat pembangunan'/'... datanglah menyaksi'. Sahabatnya membalas dalam "Surat Ketiga", katanya memang 'dunia' itu 'sawang-sawang bernyala'/'taman-taman permai penuh haruman' di situlah 'iman' dan 'taqwa', 'kesesatan' atau 'hidup' dapat dilihat; tetapi segala-galanya ditentukan oleh 'bisikan tauhid'. Jauh sebelumnya nenek moyang Arab juga penyembah berhala, pembunuh anak-anak perempuan dan tunduk dengan peraturan tradisi nenek moyang (animisme) kemudian tibalah perubahan dengan 'kota yang gagah' dan seterusnya tibalah kerasulan membawa 'shauq' 'wijdan'.

Dalam "Surat Empat" sahabat Ajam itu sedar bahawa 'kita mesti berbagi' sebagai 'cermin retak di batu' (perbezaan tanahair) walaupun sama-sama menikmati 'tiupan angin Ka'bah, bertasbih Manasik' tidak menduga mereka 'kafilah gharib' yang ditautkan oleh 'syahadat dua' (dua kalimah shahadah). Ia merindukan 'satu kesatuan' kerana bukankah mereka sama-sama dilambai oleh Kiswah al-Haram, bertawaf tujuh dan meneguk air zam-zam. Sesuai dengan pesan Nabi 'kasih mesra' dihulur. Inilah buminya untuk 'menyampaikan' cinta damai para Aulia, membantu kerajaan Tuhan seluas angkasa 'bagi menentang adat ketinggalan yang mungkin 'menyerutkan hati 'si ragu'.

Semangat ini dijawab oleh sahabat Arabnya dalam 'Surat Lima'; dia yakin bahawa dengan berkat mengucup 'Hajar Aswad', ziarah ke makam Ibrahim dan Hajar Ismail, mereka boleh melepasi rintangan 'bara', 'buih', dan 'maut'. Pokoknya, jika ada 'daya' mematuhi 'kalimah' dan 'amanah' 'atas nama Muslim dan Tauhid'. Janganlah menuduh *takdir*, sekiranya salah langkah (lidah sekerat ucap dan ada tunduk termangu). 'Hidup' itu 'rancangan' dan 'menyerah diri' bukannya 'tawakkal'. Hanya dengan 'hukum Allah' dan Rasul'/ujud satu tamaddun' selain dari itu '... mendesak kita ke laut api'. Sebelum terlambat pastikanlah supaya tidak lagi 'terkepuing di tanah gersang' dalam tembok batu Eropah'.

'Surat Enam' mencatatkan penghargaan sahabat Ajam itu, tetapi dia sedar untuk mengembalikan yang sesat ke jalan yang benar perlu berlaku lembut, halus bukan 'dengan cemeti' (kekerasan) supaya mereka tidak 'liar' dan usaha tidak terbantut. Dengan begitu 'yang pahit menjadi ubat' dan 'sahabat jauh berburu datang'. Dengan tegas diucapkannya, pelbagai pendekatan perlu difikirkan (dengan keilmuan misalnya), penyair menyimpulkan:

Saudaraku,
 kalau ingin melanda laut atau belantara
 tidak cukup gigi dan rahang.

Salam untukmu, saudaraku
 hingga sampai fajar memecah diri.

— Syed Naguib al-Attas di dalam “Mufti Mengadap Muhammad” mengisahkan peristiwa seorang Mufti mengadap Nabi Muhammad (s.a.w.) bertanya beberapa masalah agama Islam. Puisi ini dibahagikan kepada 16 bahagian. Bahagian I soalan yang diaju ialah peri larangan terhadap arak di dunia, sedangkan di akhirat (syurga) tidak terlarang. Bahagian II, jawapan yang diberikan ‘Bagi si bebal haramnya nyata/ tapi fahamkan/ - bilamana/ Aku mencegah si bijaksana? Tentulah jawapan ini mengejutkan Mufti lalu pada Bahagian III dia berkata ‘Kalau nak bijak demikian jadi/Hambamu mohon turut berbakti’. Dalam Bahagian IV dihuraikan ‘Si bijaksana’ yang dimaksudkan itu ‘Satu ‘tuk masjid, yang satu pesta/Kuran dihafal lisan membaca’; ‘Si bijak sanggup menanggung dosa/Konon nak jamin Mu’min tersiksa/patutlah riuh sorak Neraka/Pemimpin baru disambut ria.’ Dalam Bahagian V, Mufti menyetujui ‘Memang nan bijak demikian laku’. Dia juga merasa bahawa seruannya selama ini ‘Takuti Allah, Tuhan yang Satu!’ sesia belaka. Kemudian beliau memohon penjelasan ‘sifat yang benar dengan yang palsu’ kerana ‘di dalam Buku’/Mu’min dituduh bebal melulu.!

Dalam Bahagian VI dijelaskan ‘menghadap kiblat mimbar dan raja/ Bukankah situ tempat berhala! Maknanya jikalau ketauhidan itu hanya dilapis-lapis atas sahaja, tentulah penyembahan itu bukan terhadap al-Khaliq tetapi terhadap benda-benda. Disebutkan juga perihal *Ibrahim Adham* yang kerana ‘asyikkan ‘Wajah nan Esa’ sanggup meninggalkan takhtanya. Dalam Bahagian VII Mufti menyesali batasan kuasa yang ada padanya ‘Tauliah tersekat ada yang kebal/Jasad ‘dah lemah tiada pengebal’ jadi sebab itulah ‘serangan syaitan sukar disangkal’. Tetapi dengan Islam suara dan hak rakyat tertabal! Berdaulat adil di Dewan Kekal’.

Bahagian VIII mengenai keadilan pemerintahan Islam, lalu disebut ‘yang *khair* kau bena, yang *sharr* kau tala di sisi Tuhan ‘Hamba dan Sultan tarafnya sama’ dan bagi yang cerdas ‘Dalamnya laut dapat diduga’ tetapi bagi yang tolol (karam) ‘Inci dikira ratusan depa!’ Akibat ‘berlenggu kafir’ maka ‘akhirat luput dunia tercicir’ menyebabkan iman lemah. Lalu ‘mengabdikan patung menggadai jiwa’. Jika iman telah sebatikan dan padu, Allah tetap berada di mana-mana sahaja bukan hanya di ‘Makkah Mulia’ sahaja tempatnya. Dalam Bahagian XIII diterangkan akibat arak ‘minuman lucuh’ itu ‘sampai terdangkal tikar sejarah/akal keliru lisan melatah/berat tak lalu mengucap syahadah/tenggelam juga nama dan maruah! Walhal hikmat salsabil’ di dalam al-Quran ‘Laksana kauthar’ tetapi kerana tidak

mengenalinya maka 'ruh menceraikan jasad merdeka' dan 'Pusaka bangsa ditalak tiga', yakni bahasa yang boleh mengucapkan *rahasia keindahan*. Tetapi keindahan ini tidak akan ditemui di dalam keadaan mabuk dan pening kepala. Dalam Bahagian IV Muhammad menyesalkan Mufti walaupun semua kitab fikah dan usul dan tauhid dibaca, tetapi 'Makam ma'rifat belum kau tiba/ Hakikat lagi engkau 'nak raba!' maka jadilah seperti seekor kaldai memikul cendana hingga bengkok pinggangnya, tetapi 'Harum cendana hidung tak sangka'.

Dalam Bahagian XVI penyair menyimpulkan tentang makna bicara yang berat itu bergantung dengan kemampuan diri seseorang 'Makna bicara mengikut gaya'/'Maskud 'dah jelas seperti kaca/Kalau tak kenal pandanglah dia!'

Demikianlah contoh dua puisi kisah (naratif) yang berunsur Islam dalam puisi Melayu moden. Teknik pengucapannya amat bersahaja dan mengesankan dengan sindirannya yang tajam yang menyentuh aspek-aspek keislaman yang bertentu hingga dapat dirasakan keindahannya.

KEINDAHAN MELALUI TEKNIK SINDIRAN, KIAS DAN TAMSIL

Puisi Melayu yang berunsur Islam mengandungi sindiran, kias dan tamsil. Para penyair yang halus jiwanya menggunakan unsur-unsur ini dengan maksud hendak mempertahankan mutu seni puisinya. Puisi yang terlalu lurus, dangkal dan tidak terkendali emosi penyairnya (amarah) boleh menyebabkan puisi itu tidak indah lagi. Hasilnya tidak lagi dapat disebut sebagai 'seni puisi' tetapi lebih merupakan luapan perasaan yang tidak karuan. Puisi sejenis ini bukanlah menjadi hasrat kesenian Islam. Di dalam perkembangan puisi Melayu yang berunsur Islam, memang terdapat puisi-puisi protes sosial yang marah-marah terutamanya di dalam sajak oleh Suhor Antarsaudara. Dia mengkritik keadaan masyarakatnya yang bercanggah dengan Islam dengan berterus terang, hingga mengabaikan aspek-aspek kesenian puisi itu sendiri. Suhor bersuara:

Satu lagi cerita lelucon
luarbiasa, pelik dan sangat menggelikan:
Dengan megah Bank Fir'aun ditubuhkan
atas nama dan untuk perjuangan ugama dan ummat.

Yang papa pasti akan lebih pepeh dan popo
yang kaya pasti akan lebih setan dan boyo.

(Bank Fir'aun)³¹

Al-malu-u hanya menghitamkan lembaran sejarah
mereka menjejak-ejek
mereka takabur seribu kali takabur
mereka engkar seribu kali engkar
mereka kafir seribu kali kafir.

(Kisah Al-Mala-u Sepanjang Zaman)³²

Jika komunis dan pepadat
terdiri dari muka-muka istimewa
semua akan dihalalkan saja
seperti arak, judi dan zina berlesen.

(Dadah dan Komunisme)³³

Raja Haji Mukhtaruddin dalam 'Pengenalan' kumpulan *Firaun Abad Duapuluh Dengan Seribu Satu Topeng*, berpendapat:

Saudara Suhor nampaknya kurang sabar. Sajak-sajak protes ini sememangnya berlandaskan jiwa Islam, tetapi jiwa yang masih marah-marah. Bertenanglah wahai saudaraku. Allah akan membantu pihak yang benar dan menghancurkan pihak yang kufur.³⁴

Memanglah tidak mudah hendak melahirkan puisi yang berjiwa Islam yang tinggi mutu keseniannya. Hal ini ada hubungannya dengan peribadi penyair, bakat dan hidayah yang diterimanya dari Allah belaka. Seterusnya Raja Mukhtaruddin berkata:

Sasterawan Islam hari ini perlu memperbetulkan kembali jiwanya supaya menjadi sihat dan bersih sehingga mencapai apa yang dikatakan "Qalibun Salim" ... Dengan perkataan lain, sasterawan Islam lahir dan batin tidak ada penentangan terhadap ajaran-ajaran (sic!) Allah.³⁵

Kepenyairan Islam tidak dapat dipisahkan daripada kesenian yang memikirkan pendekatan yang halus, sopan lemah-lembut dan disenangi ramai serta diredai Allah. Para penyair Islam wajar merenungi Firman Allah yang bermaksud.

Serulah (manusia) ke jalan Tuhamu dengan bijaksana dan nasihat yang baik, dan bantahilah mereka (orang-orang yang ingkar itu) dengan cara yang lebih baik (terbaik). Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui akan orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan Ia lebih mengetahui pula akan orang-orang yang dapat menerima petunjuk.

Sebenarnya, menurut al-Quran, ada enam cara (teknik atau pendekatan) yang digunakan oleh Rasulullah yang perlu pula dicontohi oleh penyair Islam dalam usahanya sama ada dalam melahirkan puisinya baik secara dakwah dan langkah yang perlu diambil jika hendak menyeru ke jalan Allah ialah:

1. Dengan kebijaksanaan tidak dengan melulu (semborono).
2. Memberi nasihat yang baik.
3. Jika perlu berdebat, dengan cara yang sopan, tidak kasar atau keras.
4. Saling memaafkan, minta ampunan dan musyawarah.
5. Mempunyai hati yang teguh.
6. Akhirnya, berserah kepada Allah (tawakkal).³⁶

Dalam puisi Melayu moden, memang terdapat unsur-unsur kias, tamsil dan sindiran ini diterapkan di dalam puisi. Memang sudah terpancar

usaha para penyair tersebut. Umpamanya Wahab Ali menulis:

pesan talipon tanpa waktu untukku
 “kekasih memanggilmu” aku pun terharu
 (halloo maut)³⁷

Secara lahiriah, hubungan insan dengan maut adalah sesuatu yang mengerikan. Tetapi para Sufi menganggapnya sebagai satu keindahan. Bagi mereka, maut adalah jambatan untuk menemukan mereka dengan kekasih tercinta (Allah) kembali yang telah terpisah sekian lama darinya. Jikalau tidak melalui maut, bilakah pula mereka akan kembali kepada Kekasih Abadi itu? Pada bila-bila masa sahaja penyair atau insan boleh menemui ajalnya. Wahab Ali menghayati masalah ini. Dia menggunakan imej moden (*pesan talipon*) dan juga menganggap Tuhan sebagai ‘kekasih’ bagi menimbulkan sindiran yang bukan sahaja kepada dirinya tetapi juga kepada insan yang lain. Dalam melukiskan perasaan seorang suami yang kehilangan isteri pula, Wahab menulis:

dan suami telah berapa kota mencari dan menanti
 bagi sebatang ranting terurai dari daun.
 (pita rakam)³⁸

Wahab juga menulis:

aku burung kehilangan ranting
 dan angin yang tiba
 mengusirku.

.....

akulah burung lelah
 mencari ranting-ranting membina sarang.

(akulah burung lelah)³⁹

Marhan menyindir:

Rabbani
 manusia kian mabuk
 dan umat-Mu dalam penjara!

(Rabbani)⁴⁰

‘Mabuk’ dan ‘penjara’ adalah imej yang menyatakan tentang kehilangan pegangan dan masih belum dapat melepaskan dirinya dari kungkungan nafsu yang rendah. Ali Ahmad, menulis tentang perbezaan makna puisi kerana semuanya dalam ketentuan Allah belaka:

Puisi ini pancaran hati
 yang menegakkan rasa taqwa

.....

Puisi ini debu
 dari daya yang kau pinjamkan.

(Puisi Ini)⁴¹

Marhan juga mengungkapkan kerinduannya terhadap Ilahi, katanya:

Telah karam rinduku dalam rahmatMu
seluruh jasad menjadi derita.

.....

ruhku dan ruh-Mu
bercumbu dan asyik.

(Rindu)⁴²

Syed Naguib al-Attas pula menulis:

Tetapi derajat sahabatnya terlebih tinggi
Dia ditikam kawan, bukan dileburkan musuh.⁴³

Bukankah peristiwa 'ditikam kawan' itu sama seperti menghadapi 'musuh dalam selimut?' Beliau juga melukiskan peri kerinduannya yang luar biasa kepada Tuhan:

Coba bongkar nanti tempat debuku terkubur
Pasti kapan berasap, terbakar api rindu.

Aziz Deraman menyedari bahawa:

aku terpaut
antara Adam dan maut
antara 'azal dan abadi
menitik seni di sudut hati
dengan dua kalimah ini
aku terkunci.

(Dua Kalimah)⁴⁴

Di dalam puisinya yang lain, Aziz sedar bahawa kehidupan ini banyak pancarobanya. Umpamanya dalam pelayaran, apabila jauh di tengah samudra sudah tentulah baik sekiranya bersikap waspada:

'kita mendayung kita belayar sambil menampal
kita menampal sambil mendayung sambil belayar.

(Lancang Kita)⁴⁵

Badaruddin H.O. melukiskan keadaan masyarakat yang sedang terancam nilai rohaniahnya:

zaman yang serba enak ini racun penawarnya
belukar sengketa
sedang taman kehidupan batasnya simpangsiur
dan taman kemanusiaan danaunya berkocak galur.

(Purnama Benderang Di
atas Kepala)⁴⁶

Adi Rumi menyeru:

dan darahmu sebentar lagi akan kering
raja dan rakyatnya kehilangan pelindung

.....

kikis daki dunia!
Hidupkan yang mati dari segala dengki.

(Kiamat)⁴⁷

Dia juga menyindir:

taulah adik
cinta agung si Adi
suatu takdir

(Takdir)⁴⁸

Atau dengan lebih tajam dia bersuara:

nah! unjukkan kepada sifakir keyakinan dan
keharuan
Tuhanmu yang pengasih; betapakah kau dan aku
akan dihancurkan
sedang rajaku yang lebih miskin, pernahkah kau
lihat ia meminum darah?

(Wahyu)⁴⁹

Yahya M.S. turut berkias tentang makna persaudaraan:

'jarak-jarak yang akan memutus taliku dan talimu
dalam kita merambat kekang kuda dan pelana'⁵⁰

Beliau juga seorang pemerhati yang peka terhadap makna 'kekalahan'
dan 'kemenangan' dalam perjuangan setiap insan:

yang pecah terburai mencari bingkai
yang luka hati terkulai
keenggananlah yang menjadi tangkai
menerima warisan ketidakpuasan.

(Kekalahan dan Kemenangan)⁵¹

Sindiran beliau kepada pemeluk yang tidak menghargai rumah ibadah
dapat dirasakan sebagai berikut:

Inikah rumah Tuhan
yang mesti jadi kudus dan putih?

.....

Inikah rumah Tuhan
yang menjadi mulia dan bersih?

(Dalam Masjid)⁵²

Ustaz Ashaari Muhammad menghargai sahabat yang jujur. Menurutnya 'Sahabat-sahabat ibarat bintang di langit'.⁵³ Manakala Rosli K. Matari amat peka terhadap dosanya. Kata Rosli 'baju kupakai dijahit dengan dosa'.⁵⁴ Moechtar Awang pula memberikan kias tamsil yang mengesankan apabila dia berkata 'berkatalah dengan lidah mariam/bersuaralah dengan masyitah' (pesan buat seorang isteri II).⁵⁵

Nahmar Jamil mengungkapkan 'pada manik-manik jiwa yang basah/dalam bekas wuduk dan sujud'⁵⁶ Tamsil yang digunakan oleh penyair 'manik-manik jiwa yang basah', mengingatkan kita kesejukan dan damai bagi pemeluk yang beriman. Waktu menulis tentang syaitan, Rosli K. Matari berkata 'syaitan tidak tidur di pasar'⁵⁷ dan terhadap pedagang pula Rosli mengingatkan apabila tiba waktu Jumaat, maka wajarlah pedagang yang beragama Islam itu 'lupakan timbangan dan harga selipar'⁵⁸ dan menunaikan sembahyang Jumaat. Suhor Antarsaudara juga menyindir katanya:

sudah lama ibu hidup melamar bahagia...
sangkanr belukar singgahsana murni hangus terbakar.

(Firaun Abad Duapuluh)⁵⁹

Ini memperlihatkan idealisme si ibu tidak tercapai, akibat angkara kejahatan di sekitarnya. Usman Awang turut menyindir tajam terhadap kemelatan/kemiskinan bangsanya:

Ibu,
menangislah dengan air mata tuamu
dari kemiskinan kita yang lebih tua
kulihat mereka menaburkan bunga
dan ucapan takziah berjela.

(Suara dari Pusara)⁶⁰

A. Samad Said melihat kebenaran sebagai sesuatu yang hidup, tidak ada kuasa yang dapat menahan ia 'mengajar' dan 'mekar'. Bukankah kebenaran itu dalam ketentuan Ilahi belaka? Katanya:

setiap yang benar,
betapa ditekan
tetap menjalar
tanpa dibaja
kan tetap mekar
tanpa udarapun
kan tetap segar.

(Kebeneran)⁶¹

Kassim Ahmad pada peringkat awalnya, banyak menulis dengan nada menyindir atau di dalam istilah Baratnya ia membawa unsur *cynicism*. Dia dianggap sebagai seorang *cynist*. Dalam puisinya juga terdapat pengaruh keagamaan. Banyak diksinya berbau Islam seperti 'Tuhan', 'takdir',

'kiamat', 'maha sempurna', 'makhluk', 'maut', 'roh', 'bulan dan bintang', 'sangkala', 'iman', 'malik', 'Israfil', rahmat', 'hukum', 'Dajjal' dan sebagainya. Dia mengkritik dengan tajam pemeluk Islam yang hanya menjadi 'pengikut buta'. Kebanyakannya tidak menguasai ilmu dan tidak mempunyai pendirian. Puisi Kassim tidak dipengaruhi oleh pantun dan shair. Pada tempat-tempatnya Kassim menggunakan kata-kata yang agak kasar seperti 'membongkak', 'otak', 'mati', 'neraka', 'punggung', 'mengekor', 'mengiris', 'pisau', dan lain-lain. Kassim cuba melepaskan dirinya dari perasaan yang hiba, sayu atau yang melankolik. Kesedihan yang keterlaluan disebutnya sebagai 'mati dalam hidup' (1959).⁶² Dia menyedari keadaan bangsanya yang miskin kerana dia peka kepada sejarah:

Manusia dalam keadaan sangat sedih
 mati dalam hidup
 oleh itu biarlah hidup-hidup dibakarkan
 dan puing-puing ruhnya dicantumkan semula.

(1959)⁶³

Kematian baginya bukanlah untuk diratapkan. Dia tidak emosional dan bersedih hati bila nenek yang dicintainya meninggal. Dia seolah-olah mengalu-alukan kepergian neneknya itu ke alam baqa:

Selamatlah bertemu dengan Tuhan maha sempurna
 (Pergilah kau)⁶⁴

Dia juga menyebut betapa perlunya Tuhan dimesraikan melalui ibadah: 'tanggallah baju mari bermesra dengan Tuhan' (Dua catatan)⁶⁵ Dia agak mistikal bila dia berkata 'dan Tuhan menulis sajak buat kekasihnya' (Laut).⁶⁶ Jikalau secara logik dan juga dari segi Islam, tentulah salah dikatakan Tuhan menulis sajak. Mana mungkin Tuhan menulis sajak? Yang sesungguhnya adalah Tuhan berfirman kepada Rasulullah melalui al-Quran. Tentang manusia yang ingkar kepada al-Khaliq ditanggapinya juga. Dia gusar kerana Tuhan dikebelakangkan. Kalau hidup sudah nafsu-nafsi bukankah lebih baik terus tidak bertuhan sahaja? Kata Kassim:

langit tinggi katakan setinggi mana
 terbangnya sang jentayu adakah berita dari syurga
 buat apa adanya Tuhan adapun bukan di hati manusia
 mendatang kalau cinta jangan disingkap wajahnya.
 gadisku malu sembunyinya dalam pelamin hatiku
 cinta itu api mencetusnya sonder acara
 ledakan lagi malah sepuluh ribu bom atom
 di Eropah tuhan bersemayam di Sahara tempat berburu.

(Malam)⁶⁷

Sindiran Kassim secara metaforikal itu bukan tidak ada bahayanya; bahayanya memang boleh mengelirukan seperti yang terjadi bila dia mencipta puisi "Sidang Ruh".⁶⁸

I

perlu satusatu diperhitungkan kembali
 hari ini kita dewasa
 tanpa tuhan tanpa impian
 kerana besok mungkin terlalu lewat
 bagi kiamat yang telah ditangguhkan.
 bukan aku sinis
 kau jangan mengatheis
 beritaku dari mereka yang lupa bagaimana untuk hidup
 maka demikian perlu kata-kata
 supaya maut kita jangan kerana bisu
 kalau kau percaya kepada manusia sejahtera
 jangan kau bergembira menurut hukum
 (karena kemengangan)
 kalau kau percaya kepada manusia bebas
 jangan kau berkata menurut hukum
 (karena taatsetia)
 karena tidak ada hukum yang akan berlaku
 (namun digubal dalam pi bi bi)
 yang tidak berpelembagaan di hati

II

sudah datang berita yang paling kejam
 bagi mereka yang lagi hidup kerana bisa berharap
 dunia ini penjara
 nasi kita akan cukup di syorga
 di atas belakang Dajjal
 telah diperdagangkan hidup
 gelak dan hilai bukan kerana bahagia
 gelak dan hilai kerana papa.
 akan bersidang segala ruh
 anakmu hari ini makan apa
 nasi atau beer
 ketewanya palsu tangisnya tanpa suara.

III

nanti akan padamlah dengan sendirinya
 lampu dari menara tinggi
 kerana di bawahnya orang kian mabuk
 dan Tuhan sudah mati.

Dalam stanza I, Kassim menggesa supaya manusia menilai atau 'memeriksa' hidupnya masing-masing sebelum terlewat dan sementara 'kiamat' belum menjadi kenyataan. Tetapi gesaannya yang berterus terang ini tak usah pula disalah anggap bahawa dia *atheis* (kau jangan mengatheis), dia mewakili mereka yang tak faham bagaimana memberi makna kepada hidupnya supaya tidaklah sia-sia hidupnya yang berharga ini. Dalam stanza III Kassim Ahmad menggesa supaya manusia menggunakan akal atau rasionalnya dengan betul tidak hanya melulu menurut 'hukum' ciptaan manusia walaupun yang digubal oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), tetapi nampaknya tidak dipatuhi terutamanya oleh 'Kuasa-kuasa' besar dunia. Baginya adalah suatu kekejaman membiarkan diri terus mengemis dan yakin bahawa 'dunia ini penjara' bagi orang Islam; manakala kebahagiaannya berada di syurga (akhirat).

Kerana sikap itu mereka terus membiarkan para tengkulak (Dajjal) mencorakkan kehidupan ini dan membiarkan diri mereka hidup dalam sangsara hingga gambaran lahir 'gelak dan nilai' adalah palsu semata-mata. Tentang kemiskinan dan ketinggalan ini, menurut Kassim Ahmad melalui imajinasinya turut dipersoalkan oleh para ruh nenek moyang. Dalam Bahagian II, Kassim Ahmad menyimpulkan bahawa dengan dosa dan keliaran ummah itu pada puncaknya menyebabkan segala macam seruan dan laungan ke arah mentasbihkan Tuhan, tunduk patuh kepada ajaran agama telah diketepikan sama sekali. Pada puncak keliaran itu bolehlah diumpamakan seperti 'orang mabuk' mabuk kedudukan, mabuk kebendaan, mabuk seks dan lain-lain; jadi dalam keadaan mabuk pun sudah tidak dipertingkan sama sekali. Pada puncaknya, menurut Kassim Ahmad 'dan tuhan sudah mati'. Ungkapan yang terakhir inilah yang mengelirukan ummah, lebih merupakan suatu sensasi dan menyentuh perasaan mereka yang tebal keislamannya, lebih-lebih lagi ungkapan ini telah dipopularkan oleh seorang ahli falsafah Jerman Neitszche. Dari segi Islam apa sahaja mengenai Tuhan, tidak boleh dipermain-mainkan, apalagi kalau boleh menimbulkan kekeliruan.

Sebelum ini pun dia menulis sajak berjudul "Iman" yang ternyata amat terpengaruh kepada konsep "Trinity" agama Kristian: Tuhan dianggap sebagai 'Bapa', 'Anak' dan 'bunda Maria'. Kassim berkata:

Tuhan
 inilah keimanan anakmu
 tigabelas abad beragama
 aku tidak ingin berdosa

(Iman)⁶⁹

Dari perspektif akidah Islamiah sudah pastilah salah (syirik) jika dikatakan Tuhan sebagai 'Bapa' dan diri sebagai 'anak'. Dari sudut kepercayaan Kristian mereka menganggap bahawa Jesus kristus (Isa al-Masih) itu sebagai 'anak Tuhan', manakala ibunya Mariam sebagai 'Bunda Maria'. Hal ini tentulah menyelahi akidah (Tauhid) yang menjadi dasar Islam: Allah itu adalah Esa, dia berdiri dengan sendiri-Nya dan tidak mengharapkan kepada makhluk. Keterlibatkan Kassim Ahmad di dalam ideologi politik kiri yakni realisme-sosialis juga ikut dipersoalkan. Pegangannya ini mempengaruhi jiwanya, itulah sebabnya puisi Kassim tegas dan sikapnya agak radikal. Tetapi, dari kaca mata pemeluk agama Islam, mereka menyangsikan kebulatan Kassim Ahmad sebagai pemeluk Islam yang sejati berdasarkan kekeliruan dan salah pengertian yang timbul dari sajak-sajaknya. Dalam sajak yang berikut Kassim dengan tajam menyindir para penyair yang asyik memuja keindahan semata-mata. Dia tetap menyuarakan sikapnya yang lebih memikirkan soal kemiskinan rakyat:

Penyairmu
 darinya dipinta keindahan
 lagu dari hati tenteram
 harmonis dengan alam

.....

katanya
 ketenteraman hatiku telah hilang
 kau pemburunya
 aku tak bisa melacur pulang.

(Penyairmu)⁷⁰

Di dalam sajak panjangnya "Pengembara Di dalam Perjalanan" kita dapat melihat perubahan pada suara Kassim Ahmad. Dia menganalisa tamadun manusia di dalam sindirannya lalu menghubungkannya dengan kebesaran Tuhan. Suaranya lebih jelas:

wahai ilham!
 ke mana perginya kau
 matahari, langit, lautan dan gunung
 bulan, malam dan manusia
 kepada segala keindahan membatu!

.....

wahai manusia!
 tujuh ribu tahun tamadun dan kebudayaan
 dari kelana liar bogel memburu binatang
 hingga membangunkan kota
 dengan pabrik, ladang, bank, universiti dan
 dewan rakyat
 matamu mencapai bintang-bintang jauh
 kapalmu mengharung lautan menjelajah angkasa
 tabik kepada manusia
 alangkah besar kejayaannya!
 pengembara di dalam perjalanan
 mencari jalan pulang
 berhenti sejenak bertafakur
 membersihkan jiwa dari keangkuhan
 untuk menerima pengetahuan.

(Pengembara Di Dalam
 Perjalanan)⁷¹

Tiga baris terakhir itu jelas sekali sikapnya yang ingin membetulkan sikap yang angkuh dengan melakukan 'tafakur' bukankah ini penting di dalam Islam! Bahawa takabur, riak dan ujub itu merosakkan ketakwaan. Kassim menyedari hal ini, sebelum dia menerima pengetahuan sama ada belajar dari alam, manusia dan Tuhan dia perlu menimbulkan dirinya yang tidak angkuh dan sombong dengan kebijaksanaan yang secebis dari kebijaksanaan Ilahi yang tidak ada taranya.

Demikianlah antara beberapa contoh jalinan keindahan puisi 'melalui' teknik sindiran, kias dan tamsil yang dirakamkan oleh penyair Melayu di dalam puisinya. Jalinan ini memang dapat memperluaskan lagi puisi yang berunsur Islam. Tetapi ada juga yang mengandungi sindiran yang tajam dan tidak kurang pula mengelirukan seperti puisi Kassim Ahmad tadi. Masalahnya adalah berhubungan dengan soal akidah belaka. Kesenian Islam memanglah mementingkan keindahan. Sebagai penyair, tentulah mereka dikehendaki menguasai selok-belok persajakan yang selaras dengan Islam. Sejauh manakah puisi penyair Melayu yang berunsur Islam ini turut terkesan atau terpengaruh dengan bentuk-bentuk persajakan Islam? Hal ini dapat kita perhatikan dalam perbincangan yang selanjutnya.

KEINDAHAN MELALUI PENGARUH SYAIR, QASIDAH, RUBAIYAT DAN LAIN-LAIN

Pengaruh Syair, qasidah, rubaiyat dan nazam tetap terasa di dalam puisi Melayu moden walaupun pada umumnya para penyair ini tidak mengambil bentuk itu seperti yang asalnya. Pada dasarnya penyair

Melayu mula menerima bentuk bebas sejak Zaman Permulaan (1933) apabila Pungguk dan kawan-kawannya menulis sajak bebas. Namun begitu 'bentuk bebas' sebagai istilah puisi moden Barat itu tidaklah bebas dalam makna seperti puisi yang dicipta di Barat. Apa yang berlaku ialah timbulnya penyesuaian dan pemanfaatan terhadap unsur-unsur sastera tradisi dan Islam. Itulah sebabnya masih dapat kita lihat pengaruh tradisi Islam itu dalam pelbagai unsur yang diresapkan secara berseni. Unsur kemerdekaan bahasa (musicality) umpamanya masih menjadi unsur yang penting. Hal ini begitu jelas, jika kita meneliti puisi ciptaan Zulkifli Muhammad, Usman Awang, Yahya M.S., Syed Naguib al-Attas, Marhan, dan Nahmar Jamil. Pada hemat saya, hal ini terjadi oleh kerana kukuhnya dasar pantun dan syair di dalam jiwa mereka. Bagi penyair yang terdidik di dalam sistem pendidikan keagamaan Islam seperti Zulkifli Muhammad, Hadzrami A.R., Yahya M.S., Badaruddin H.O., Adi rumi, Shafie Abu Bakar dan Ashaari Muhammad mereka tentu sudah berkenalan dengan qasidah, ghazal, rubaiyat dan bentuk lain yang dicipta oleh penyair Islam.

Pungguk misalnya begitu kuat dipengaruhi oleh Syair umpamanya beliau bersuara:

Untunglah hatiku menurut kata	(12 sukukata)
Sunyi senyap ia segera,	(10 sukukata)
Baharu selesa segala anggota,	(13 sukukata)
Belayarlah hati di laut dura...!	(12 sukukata)

(Pujukan Hati)⁷²

Pada Usman Awang, pengaruh Syair ini telah dimanfaatkan, dia tidak terikat dengan sukukata tertentu. Puisinya masih tetap merdu dan lirikal:

Sa'atnya begitu genting, ah jauh keluh ibumu
Kepalamu ke dinding dan ayah resah menunggu
Alangkah gelisah betapa kelak wajah anakku
Semoga jenis yang kami harapkan dalam restu.

(Lahirlah Engkau)⁷³

Pengaruh yang sama dapat dirasakan di dalam puisi oleh Badaruddin H.O. yang berikut:

yang tertunjuk tanpa dipinta
dan ibunya dalam sukar nafasnya
mudah saja membeli cinta
mudah saja menjual cinta

(Puncak dan Lembah)⁷⁴

Marhan ikut terpengaruh dengan unsur persamaan bunyi di hujung seperti Syair:

Terlalu sukar lidah berbicara
 bila berdepanan denganmu ayah
 sesak nafas dikeponan ria
 bila bersalaman denganmu mama.

(Kepada Bakal Mertua)⁷⁵

Hal yang sama dapat dilihat dalam puisi "Aku Merintih"⁷⁶ oleh Zulkifli Muhammad dan "Rasulullah Ibarat Bulan Purnama"⁷⁷ Ashaari Muhammad. Unsur-unsur aliterasi, dan asonansi di dalam puisi-puisi ini juga turut menimbulkan bunyi merdu itu. Di dalam puisi Syed Naguib al-Attas pula, jelas sekali pengaruh Rubaiyat. Syed Naguib al-Attas mengakui bahawa dia mengikut skema rima itu, apalagi jika terpaksa menjaga sukatan sukukatanya yang telah ditetapkan. Syed Naguib terpaksa mempersingkatkan beberapa kata untuk mencapai maksud ini seperti *senantias* menjadi *'nantias* (menghilangkan *se*); *segala*, menjadi *s'gala* (menghilangkan *e*); *dengan* menjadi *'ngan* (menggugurkan *de*) dan sebagainya.⁷⁸ Dalam puisi naratifnya "Mufti Menghadap Muhammad"⁷⁹ Syed Naguib berjaya mengekalkan tiap-tiap stanza atau rangkap di dalam bahagian I hingga bahagian 16 sebanyak 12 baris dan hujungnyanya berbunyi sama. Ini adalah syarat yang diperlukan oleh qasidah. Beliau membuat percubaan yang baik, tetapi nyatalah penyair terlalu dikawal oleh peraturan dan syarat sehingga kita merasa puisi ini terlalu di bentuk-bentuk, perasaan penyair agak tertekan. Barangkali ini jugalah sebabnya mengapa usaha Syed Naguib tidak dilanjutkan oleh penyair lain. Agak berbeza dengan puisi Yahya M.S. "Surat Dua Sahabat yang Bertemu di Pintu Babus-Salam, Masjid Nabawi" yang dapat dinikmati keindahannya. Penyair dapat mengucapkan perasaannya dengan lebih bersengaja dan mengesankan.

Bentuk-bentuk puisi lain yang juga terikat seperti Nazam, yang menjadi wadah untuk puisi-puisi riwayat Nabi Muhammad s.a.w. dan juga menyentuh hal-hal tentang keislaman. Badaruddin H.O. menyesuaikan bentuk Nazam tetapi dengan sukukata yang tidak terikat, seperti dalam puisinya yang berikut:

Oo, kawanku yang salih, anak salih di setiap keadaan
 pernahkah kau memimpikan nuraka bagianku?
 Oo, kawanku orang salih, anak salih di setiap peristiwa
 pernahkah dikau melahirkan impian atas dosaku?
 (Orang Salih - fragmen)⁸⁰

Raja Ali Haji dengan "Gurindam Dua Belas" telah memanfaatkan sajak dua seuntai ini. Beliau menamakan qurindam bukan Nazam, tetapi nyatalah masih tetap mengenai soal keagamaan Islam.⁸¹ Unsur Nazam dan gurindam ini telah diperkembangkan dengan pernyataan perasaan yang lebih bersahaja dengan bahasa yang indah, berirama sama ada

memuji kebesaran Ilahi, mengalu-alukan perjuangan Rasulullah ataupun sebagai sikap peribadi penyair terhadap pengalaman diri, lingkungan, kerohanian dan sebagainya. Puisi jenis ini yang lebih lirikal misalnya ialah "Bahasa Alam"⁸² oleh Baha Zain, "Khutbah"⁸³ oleh Badaruddin H.O. yang berdasarkan surah Alam Nasyrah, "Perempuan Itu Air, Perempuan Itu Api"⁸⁴ oleh Adi Rumi. Kata Adi:

"Maukah kau sangkal suara qaib dari gunung...?
ya, bisa seribu mata dan hati menerkam birang
tapi lama pulau kau mesti lalui dan cari dalam diri
kelak kau tidak lagi berhadapan dengan bayang putus"

Dalam perkembangan yang lebih lanjut, terdapat bentuk yang lebih bebas dengan puisi yang lebih kejam, kadang-kadang tidak memerlukan pembahagian stanza lagi seperti puisi Firdaus Abdullah "iqra"⁸⁵ Ada juga puisi oleh Aziz Deraman seperti berikut:

Lagi aku datang
berbekal sekeping hati segenggam harapan
segaris tinta sehiris rasa
akan bersamamu
mu
mu
mu
mu
mu

(Lancang Kita)⁸⁶

Atau seperti dalam puisi berikut suara Marhan terputus-putus:

Sapi memagut. Malam menutup
kurapati jendela
lantas kudengar bisik Mu nan halus.
Bulan Ramadhan. Tuhan berfirman
padukan alam dengan dirimu, hingga
kau kenal dunia.
Panas terik. Peluh menitik
tumpah di bumi. Terbakar
kerana manusia!

(Ramadhan)⁸⁷

Suara Wahab juga semakin memendek; dia memandatkan tanggapannya. Kita dihadapkan dengan kenyataan:

di kananku perempuan
di kiriku Muhammad
kurangkum tanah tidak bertuan.

(Tanah Tidak Bertuan)⁸⁸

KESIMPULAN

Puisi yang lebih lembut, berirama dengan unsur-unsur bunyi yang merdu, sebahagiannya terdapat dalam puisi Usman Awang, Yahya M.S., Marhan, Hadzrami A.R., Badaruddin H.O. dan Nahmar Jamil. Mereka berjaya mendapatkan pengucapan peribadi masing-masing dengan menyesuaikan teknik pengucapannya secara yang lebih wajar tidak terlalu terikat kepada tuntutan atau syarat-syarat persajakan Islam yang tradisional. Penyesuaian inilah yang boleh mengembangkan lagi daya kreativiti tanpa menjejaskan hal-hal yang dituntut oleh Islam terhadap karya yang memancarkan nilai-nilai Islam seperti yang diterangkan sebelumnya. Nada lirikal dengan ekspresi yang lancar dari penyair-penyair ini dapat ditemui dalam puisi seperti "Gadis dan Ayat Suci",⁸⁹ "Dua Sahabat Yang Bertemu Di Pintu Babus-Salam, Masjid Nabawi, Madinah",⁹⁰ "Melalui Fikir, Mata, Telinga dan Lidahku",⁹¹ "Ada Pada-Mu, Kurdrah",⁹² "Purnama Benderang Di Atas Kepala"⁹³ dan "Cintailah Kemuliaan".⁹⁴

Penyair Melayu yang menulis puisi yang berunsur Islam ini faham bahawa tanggungjawabnya bukanlah mudah. Mereka berhadapan dengan 'seni'nya bagi mengucapkan kesenian yang dasarnya ialah kebenaran dan keindahan. Keindahan inilah terpancar dari bakat-bakat yang khusuk serta tawaduk terhadap kebesaran Tuhannya yang dengan hidayahnya juga memperkayakan bakat itu untuk melahirkan puisi yang diredai-Nya. Dengan menguasai bahasa Melayu sebagai media yang berharga untuk merakamkan perasaan dan pengalaman estetikanya secara lebih berkesan bagi menuntut keredaan Allah. Sesungguhnya hal ini, menjadi cabaran (challenge) terutamanya dalam kehidupan moden yang sering berhadapan dengan 'kejutan-kejutan' budaya/politik yang menjadikan seseorang terutamanya penyair seperti kehilangan kemesraan dan getaran bahasa yang lunak-lembut, indah dan sopan. Beruntunglah para penyair yang menyedari hakikat Kebesaran al-Khaliq dan masih dengan setia berkarya melagukan pengalaman peribadi dan hayat bagi memenuhi tuntutan Tuhannya. Penyair-penyair inilah yang terus mengutamakan nilai-nilai keindahan lahir batin di dalam puisi-puisinya dengan mendukung dasar-dasar keislaman yang murni dan hakiki.

NOTA

¹ Isma'îl R. Faruqi, *Islam and Culture* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1980, h. 41.

² *Ibid.*, h. 43.

³ *Ibid.*, h. 43.

⁴ M.M. Sharif, *About Iqbal and His Thought* (Lahore: Institute of Islamic Culture, 1976), h. 105.

⁵ Muhammad Kamal Hassan, "Konsep Keindahan Dalam Islam dan Hubungannya Dengan Seni dan Sastra: "Satu Pandangan Umum", *Dewan Sastra*, Ogos 1980, Kuala Lumpur, h. 49.

⁶*Ibid.*

⁷Isma^cil R. al-Faruqi, *Tawhid: Its Implications For Thought and Life* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought, 1962), h. 243.

⁸M.M. Sharif, *About Iqbal* ..., h. 92.

⁹*Ibid.*, h. 101.

¹⁰T.S. Eliot, *Selected Essavs* (London: Faber & Faber, 1972), h. 289.

¹¹M.M. Sharif, *About Iqbal*..., h. 106.

¹²Lamya' al-Faruqi, "Ornamentation In The Islamic Arts: Its Functions and Structures" *Islamic Civilisation Seminar*, Kuala Lumpur, 18-22 Mei 1984, h. 15-16.

¹³Jassin, *Bacaan Mulia*, h. 749-754.

¹⁴Asha^cari, *Cahaya*, h. 1; lihat Lampiran B.

¹⁵Faruqi, *op. cit.*, h. 44.

¹⁶*Berita Minggu*, 26.6.1966.

¹⁷*Ibid.*, 1964.

¹⁸*Hidayat II*, h. 136-139.

¹⁹*Berita Minggu*, 6.6.1966.

²⁰*Utusan Zaman*, 20.3.1977.

²¹Firdaus, *loc. cit.*

²²*Berita Minggu*, 1.7.1973.

²³*Mingguan Malaysia*, 9.7.1973.

²⁴*Ibid.*, 27. 1979.

²⁵*Berita Minggu*, 30.12.1973.

²⁶Sabda S., *loc. cit.*

²⁷Marhan, *dengan bayang*, h. 39.

²⁸Bey Ariffin, *Mengenal Tuhan 2* (Singapura: Pustaka Nasional, 1978), h. 93.

²⁹Dari Fail Penulis, *Lihat Lampiran B.*

³⁰Naquib, *loc. cit.*

³¹Suhor Antarsaudara, *Fir'aun Abd Duapuluh ...* (Petaling Jaya: Pustaka Al-Kahfi, n.d.),

h. 11.

³²*Ibid.*, h. 17.

³³*Ibid.*, h. 26.

³⁴*Ibid.*, h. 3.

³⁵*Ibid.*, h. 3.

³⁶Bey Ariffin, *Mengenal Tuhan 2*, h. 179.

³⁷Wahab, *Penemuan*, h. 39.

³⁸*Ibid.*, h. 44.

³⁹*Ibid.*, h. 29.

⁴⁰Marhan, *dengan bayang*, h. 38.

⁴¹Kamal, *Puisi-Puisi Nusantara*, h. 210.

⁴²Marhan, *dengan bayang*, h. 38.

⁴³Naquib, *Rangkaian Ruba^ciyat*, h. 9.

⁴⁴*Utusan Zaman*, 20.5.1979.

⁴⁵Dari Fail Penulis.

⁴⁶*Berita Minggu*, 26.6.1966.

⁴⁷*Utusan Zaman*, 30.1.1966.

⁴⁸*Berita Minggu*, 18.10.1964.

⁴⁹*Utusan Zaman*, 4.12.1960.

⁵⁰*Hidayat II*, h. 53.

⁵¹*Hidayat II*, h. 133.

⁵²*Ibid.*, h. 135.

⁵³Asha^cari, *Chaya*, h. 45-46.

⁵⁴Dari Fail Penulis.

⁵⁵Dari Fail Penulis.

- ⁵⁶Nahmar, *telah dewasa kita*, h. 8.
- ⁵⁷Fail Penulis.
- ⁵⁸*Ibid.*
- ⁵⁹Suhor Antarsaudara, *Fir^cawn Abd Duapuluh ...*, h. 27.
- ⁶⁰Usman, *et. al.*, *Suara Tujuh*.
- ⁶¹Samad, *Benih Harapan*, h. 10.
- ⁶²Kassim Ahmad, *Kemarau Di Lembah*, h. 43.
- ⁶³*Ibid.*
- ⁶⁴*Ibid.*, h. 25.
- ⁶⁵*Ibid.*, h. 86.
- ⁶⁶*Ibid.*, h. 87.
- ⁶⁷*Ibid.*, h. 88.
- ⁶⁸*Ibid.*, h. 73.
- ⁶⁹*Ibid.*, h. 71.
- ⁷⁰Kamal, *Puisi-Puisi Nusantara*, h. 170-173.
- ⁷¹Kamal, *Puisi-Puisi Nusantara*, h. 170-173.
- ⁷²Kamal, *Puisi-Puisi Nusantara*, h. 148.
- ⁷³*Ibid.*, h. 149.
- ⁷⁴*Ibid.*, h. 18.
- ⁷⁵Marhan, *dengan bayang*, h. 10.
- ⁷⁶Zulkifli, *Gema ...*, h. 17-19.
- ⁷⁷Asha^cari, *Cahaya*, h. 45.
- ⁷⁸Lihat "Pendahuluan" dalam *Rangkaian ruba^ciyat*, h. x.
- ⁷⁹Naquib, *op. cit.*
- ⁸⁰*Utusan Pemuda*, 27.8.1960.
- ⁸¹Badaruddin, *loc. cit.*
- ⁸²Baha Zain, *loc. cit.*
- ⁸³*Berita Minggu*, 27.11.1960.
- ⁸⁴*Utusan Zaman*, 7.4.1962.
- ⁸⁵Firdaus, *loc. cit.*
- ⁸⁶Dari Fail Penulis.
- ⁸⁷*Ibid.*, 17.2.1962.
- ⁸⁸Wahab, *Penemuan*, h. 14.
- ⁸⁹Usman, *Gelombang*, h. 80-81.
- ⁹⁰Yahya M.S., *loc. cit.*
- ⁹¹Marhan, *dengan bayang*, h. 34.
- ⁹²Kamal, *Puisi-Puisi Nusantara*, h. 197-198.
- ⁹³*Berita Minggu*, 26.6.1966.
- ⁹⁴Nahmar, *Pohon-Pohon ...*, h. 26-27.

Dewan Bahasa dan Pustaka
 Peti Surat 10803
 50926 Kuala Lumpur
 MALAYSIA